



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

FORMAT INSTRUMEN PENTAKSIRAN DAN PELAPORAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

SEKOLAH RENDAH TAHUN 4, 5 DAN 6

**SENARAI MATA PELAJARAN, KOD DAN MASA
SEKOLAH RENDAH TAHUN 4, 5 DAN 6**

BIL.	MATA PELAJARAN (MP)	KOD MP	MASA
1.	Bahasa Melayu	011	1 jam 15 minit
2.	Bahasa Inggeris	013	1 jam 15 minit
3.	Matematik (*SK/SJKC/SJKT)	015/025/035	1 jam 15 minit
4.	Sains (*SK/SJKC/SJKT)	018/028/038	1 jam 15 minit
5.	Sejarah (*SK/SJKC/SJKT)	019/029/039	1 jam 15 minit

*SK - Sekolah Kebangsaan, SJKC - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan SJKT- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

BAHASA MELAYU TAHUN 4, 5 DAN 6

BIL.	PERKARA	FORMAT PENTAKSIRAN	
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis : Pemahaman & Penulisan	
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Aneka Pilihan (OAP) • Objektif Pelbagai Bentuk (OPB) • Subjektif Respons Terhad (SRT) • Subjektif Respons Terbuka (SRTb) 	
3	Bilangan Soalan	<p>Bahagian A (10 markah): OAP Tatabahasa (3-5 soalan) Pemahaman petikan (5-7 soalan) (Teks tunggal & Teks pelbagai)</p> <p>Bahagian B (10 markah): OPB dan SRT Tatabahasa dan Pemahaman petikan (3-5 soalan) Respons Kritis dan Kreatif (1 soalan)</p> <p>Bahagian C (10 markah): SRTb Penulisan perenggan – 1 soalan</p> <p>Bahagian D (20 markah): SRTb Penulisan Karangan – 1 soalan</p>	
4	Markah	50 markah	
5	Tempoh Ujian	1 Jam 15 Minit	
6	Konstruk	Pengetahuan Sistem Bahasa Kemahiran Membaca: <ul style="list-style-type: none"> • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis 	Kemahiran Menulis: <ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta
7	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi (5 : 3 : 2)	
8	Kaedah Penskoran	<ul style="list-style-type: none"> • Dikotomus • Analitikal • Holistik 	

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU TAHUN 4, 5 DAN 6

TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan penjumlah bilangan sangat terhad. Kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan sangat terhad. Penguasaan kemahiran menulis yang sangat terhad dengan idea yang tidak relevan dan ayat yang tidak gramatis.
2	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan penjumlah bilangan pada tahap asas dan kurang memuaskan. Kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan pada tahap kurang memuaskan. Kemahiran menulis pada tahap kurang memuaskan dengan mengemukakan idea yang kurang relevan dan ayat yang kurang gramatis serta tiada pengolahan idea.
3	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan penjumlah bilangan pada tahap memuaskan. Mempunyai kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan pada tahap memuaskan. Mempunyai kemahiran menulis pada tahap memuaskan dengan menghasilkan wacana yang sesuai, mengemukakan idea yang relevan, menggunakan ayat yang gramatis namun pengolahan yang kurang menarik.
4	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan penjumlah bilangan pada tahap baik. Mempunyai kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan pada tahap baik. Kreatif dalam kemahiran menulis dan menghasilkan wacana yang sesuai mengikut konteks, mengemukakan idea yang kreatif, menggunakan ayat yang gramatis serta pengolahan yang menarik.
5	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan penjumlah bilangan pada tahap sangat baik. Berkemahiran tinggi dalam kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan secara kritis. Kreatif dan matang dalam kemahiran menulis dan menghasilkan wacana yang sesuai mengikut konteks, mengemukakan idea yang kreatif dan matang, menggunakan ayat yang gramatis serta pengolahan yang menarik dan berkesan.
6	Penguasaan pengetahuan sistem bahasa iaitu pengetahuan kata, ayat dan penjumlah bilangan pada tahap cemerlang. Amat berkemahiran tinggi dalam kemahiran membaca dan memahami serta menaakul pelbagai bahan secara kritis dan kreatif. Amat kreatif dan matang dalam kemahiran menulis dan menghasilkan wacana yang amat sesuai mengikut konteks, mengemukakan idea yang amat kreatif dan matang, menggunakan ayat yang gramatis serta pengolahan yang amat menarik dan berkesan.

BAHASA INGGERIS TAHUN 4, 5 DAN 6

BIL	PERKARA	FORMAT PENTAKSIRAN	
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis : Pemahaman (Reading and Use of English) & Penulisan (Writing)	
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Aneka Pilihan (OAP) • Objektif Pelbagai Bentuk (OPB) • Subjektif Respons Terhad (SRT) • Subjektif Respons Terbuka (SRTb) 	
3	Bilangan Soalan	<p>Bahagian 1 (5 markah) : Short texts: Multiple choice (5 soalan)</p> <p>Bahagian 2 (4 markah) : Lexico-grammar: Multiple choice with no graphics Cloze text (4 soalan)</p> <p>Bahagian 3 (5 markah) : Linear/non-linear text comprehension: Multiple choice (5 soalan)</p> <p>Bahagian 4 (6 markah) : Matching multiple texts (6 soalan)</p> <p>Bahagian 5 (5 markah) : Word completion (5 soalan)</p> <p>Bahagian 6 (10 markah) : Guided writing – Short communicative message (1 soalan)</p> <p>Bahagian 7 (15 markah) : Notes expansion – Longer communicative message (1 soalan)</p>	
4	Markah	50 markah	
5	Tempoh Ujian	1 Jam 15 Minit	
6	Konstruk	Kemahiran Membaca : <ul style="list-style-type: none"> • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis 	Kemahiran Menulis <ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Pengetahuan sistem bahasa • Nilai
7	Aras Kesukaran	Mengikut aras penguasaan CEFR : A1 – A2	
8	Kaedah Penskoran	<ul style="list-style-type: none"> • Dikotomus • Analitikal • Holistik 	

TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS TAHUN 4, 5 DAN 6

TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1	Hardly shows any ability to understand the main ideas, specific information and details of texts, or communicate meaning appropriately in writing. Requires a lot of support to respond to basic language tasks.
2	Can show limited ability to understand the main ideas, specific information and details of texts, and communicate meaning appropriately in writing. Responds to basic language tasks with support.
3	Can show satisfactory ability to understand the main ideas, specific information and details of simple texts, and communicate meaning using appropriate strategies in writing. Requires some support to respond to the given language tasks.
4	Can show good ability to understand the main ideas, specific information and details of simple texts, and communicate meaning using appropriate strategies in writing. Responds to the given language tasks reasonably well.
5	Can show very good ability to understand the main ideas, specific information and details of simple texts, and communicate meaning using appropriate strategies in writing. Responds to the given language tasks very well.
6	Can show excellent ability to understand the main ideas, specific information and details of simple texts, and communicate meaning using appropriate strategies in writing. Responds to any given language tasks successfully.

MATEMATIK TAHUN 4, 5 DAN 6

BIL.	PERKARA	FORMAT PENTAKSIRAN
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none">• Subjektif Respons Terhad (SRT)• Subjektif Respons Terbuka (SRTb)
3	Bilangan Soalan	Bahagian A: 13 soalan (26 markah) Bahagian B: 2 soalan (24 markah)
4	Markah	50 markah
5	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit
6	Konstruk	<ul style="list-style-type: none">• Mengingat• Memahami• Mengaplikasi• Menganalisis• Menilai
7	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi (5 : 3 : 2)
8	Kaedah Penskoran	Analitikal

TAHAP PENGUASAAN MATEMATIK TAHUN 4, 5 DAN 6

TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1	Penguasaan murid adalah sangat terhad dalam bidang nombor dan operasi, sukatan dan geometri, perkaitan dan algebra, dan statistik dan kebarangkalian. Murid memerlukan bimbingan secara maksimum daripada guru.
2	Murid mengetahui dan memahami asas matematik secara minimum dalam bidang nombor dan operasi, sukatan dan geometri, perkaitan dan algebra, dan statistik dan kebarangkalian. Murid perlu mendapat bimbingan guru secara minimum.
3	Pencapaian murid adalah memuaskan. Murid mengetahui dan memahami asas matematik bagi melakukan operasi asas matematik, penukaran asas, dan melakukan langkah pengiraan dalam menyelesaikan masalah harian yang mudah.
4	Pencapaian murid adalah baik. Murid menguasai dan boleh mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah harian.
5	Pencapaian murid adalah pada tahap sangat baik. Murid menguasai dan boleh mengaplikasi kemahiran proses matematik dalam bidang nombor dan operasi, sukatan dan geometri, perkaitan dan algebra, statistik dan kebarangkalian untuk menyelesaikan masalah harian secara sistematik.
6	<p>Pencapaian murid adalah cemerlang. Murid menguasai pengetahuan, pemahaman, dan mengaplikasi kemahiran matematik dalam membuat pertimbangan dan keputusan yang wajar bagi menyelesaikan masalah dalam pelbagai konteks dan menghubungkan ilmu matematik dengan bidang ilmu yang lain.</p> <p>Murid menggunakan idea kreatif dan inovatif untuk menyelesaikan masalah situasi harian secara sistematik. Murid juga dapat mengamal, menghayati, membuat justifikasi dan generalisasi terhadap situasi masalah yang kompleks selaras dengan aspirasi murid.</p>

SAINS TAHUN 4, 5 DAN 6

BIL	PERKARA	FORMAT PENTAKSIRAN
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Aneka Pilihan (OAP) • Objektif Pelbagai Bentuk (OPB) • Subjektif Respons Terhad (SRT)
3	Bilangan soalan	Bahagian A: 10 soalan (10 markah) Bahagian B: 2 soalan (8 markah) Bahagian C: 4 soalan (32 markah)
4	Markah	50 markah
5	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit
6	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> • Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta • Kemahiran Proses Sains
7	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi (5 : 3 : 2)
8	Kaedah Penskoran	<ul style="list-style-type: none"> • Dikotomus • Analitikal

TAHAP PENGUASAAN SAINS TAHUN 4, 5 DAN 6

TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1	Mengetahui pengetahuan sains dan kemahiran saintifik tentang perkara khusus (fakta, pengetahuan terminologi) serta pengetahuan tentang perkara universal dan abstrak (konsep, prinsip, generalisasi dan pengetahuan tentang teori dalam sains pada tahap sangat terhad.
2	Mengetahui dan memahami pengetahuan sains dan kemahiran saintifik untuk menjelaskan pengetahuan sains melalui penterjemahan, pentafsiran dan pemahaman konsep, prinsip, hukum dan teori pada tahap asas.
3	Mengetahui, memahami dan mengaplikasi pengetahuan sains dan kemahiran saintifik yang berkaitan serta kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah atau melaksanakan tugas berkaitan isu sains pada tahap memuaskan.
4	Mengetahui, memahami dan mengaplikasi pengetahuan sains dan kemahiran saintifik pada tahap baik serta berupaya untuk menganalisis pengetahuan sains dengan mencerakinkan sesuatu komunikasi kepada elemen, menyusun idea secara perbandingan, membuat perkaitan antara idea dan membuat huraian untuk menyelesaikan masalah atau melaksanakan tugas berkaitan isu sains dengan baik.
5	Mengetahui, memahami dan mengaplikasi pengetahuan sains dan kemahiran saintifik pada tahap sangat baik serta berupaya untuk menganalisis dan menilai dengan mewajarkan keputusan atau tindakan terhadap sesuatu isu berkaitan sains berdasarkan pengetahuan sains untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan atau melaksanakan tugas dengan sangat baik.
6	Mengetahui, memahami dan mengaplikasi pengetahuan sains dan kemahiran saintifik pada tahap cemerlang serta berupaya untuk menganalisis, menilai dan mencipta idea, cara atau produk baharu dengan menggunakan pengetahuan sains untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan atau melaksanakan tugas dengan cemerlang.

SEJARAH TAHUN 4, 5 DAN 6

BIL.	PERKARA	FORMAT PENTAKSIRAN
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Aneka Pilihan (OAP) • Objektif Pelbagai Bentuk (OPB) • Subjektif Respons Terhad (SRT)
3	Bilangan Soalan	Bahagian A: 20 soalan (20 markah) Bahagian B: 4 soalan (20 markah) Bahagian C: 2 soalan (10 markah)
4	Markah	50 markah
5	Tempoh Ujian	1 Jam 15 Minit
6	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> • Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Menjana idea
7	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi (5 : 3 : 2)
8	Kaedah Penskoran	<ul style="list-style-type: none"> • Dikotomus • Analitikal

TAHAP PENGUASAAN SEJARAH TAHUN 4, 5 DAN 6

TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1	Pengetahuan dan pemahaman terhadap fakta sejarah sangat terhad.
2	Mengetahui dan memahami fakta asas sejarah.
3	Mengetahui dan memahami fakta sejarah pada tahap memuaskan. Mengaplikasi pengetahuan dan pemahaman fakta sejarah dalam menjelaskan sesuatu isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap memuaskan.
4	Mengetahui dan memahami fakta sejarah pada tahap baik. Mengaplikasi pengetahuan dan pemahaman fakta sejarah dalam menjelaskan sesuatu isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap baik. Menganalisis fakta sejarah serta isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap baik.
5	Mengetahui dan memahami fakta sejarah pada tahap sangat baik. Mengaplikasi pengetahuan dan pemahaman fakta sejarah dalam menghuraikan sesuatu isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap sangat baik. Menganalisis, menilai dan menghasilkan idea terhadap fakta sejarah serta isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap sangat baik.
6	Mengetahui dan memahami fakta sejarah pada tahap cemerlang. Mengaplikasi pengetahuan dan pemahaman fakta sejarah dalam menghuraikan sesuatu isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap cemerlang. Menganalisis, menilai dan menghasilkan idea terhadap fakta sejarah serta isu sejarah silam, semasa dan akan datang pada tahap cemerlang.

- TAMAT -